



67  
فجابه فغارہ تانہ دان کالین ترغکانو  
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
TERENGGANU,

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,  
20576 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957 samb. 2700-2706 Fax : 09-6229887  
3100-3115



PTG.TR.G/05/1988/06/02 - (67)

7 Jun 1998  
12 Safar 1419

Pentadbir Tanah, Kuala Terengganu.  
Pentadbir Tanah, Dungun.  
Pentadbir Tanah, Kemaman.  
Pentadbir Tanah, Besut.  
Pentadbir Tanah, Marang.  
Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu.  
Pentadbir Tanah, Setiu.

Y.Bhg. Dato'/Tuan,

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 2/1998 -  
PINDAAN PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU  
BIL. 3/1991**

Adalah dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan bagi meluaskan kemudahan membayar premium secara beransur bagi tanah-tanah yang diluluskan kepada individu berpendapatan rendah/tidak mempunyai pendapatan tetap, butir (b), (c) dan (i) Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Terengganu dibatalkan dan diganti kepada butir (b1), (c1) dan (f1) seperti berikut:-


- (b1) Permohonan untuk membayar premium secara beransur boleh ditimbang kepada individu yang berpendapatan kurang dari RM700.00 kecuali kes-kes tertentu yang diluluskan oleh Y.A.B. Menteri Besar.
- (c1) Jumlah bayaran pertama hendaklah tidak kurang dari 1/3 jumlah tuntutan atau RM500.00 mana yang lebih tinggi dan bakinya bolehlah dijelaskan secara beransur menurut budibicara Pentadbir Tanah tetapi tempohnya tidak lebih dari tiga (3) tahun dikira bermula tahun bayaran pertama.
- (f1) Sekiranya pemohon gagal menjelaskan harga tanah dan lain-lain bayaran dalam tempoh yang diberi itu, maka kelulusan permohonan tanah itu terbatal dengan sendirinya. Wang Amanah (deposit) bolehlah dikembalikan kepada pemohon dan tanah berkenaan hendaklah diangkat ke MMKN semula bagi disyor lelong.

2. Syarat-syarat lain Pekeliling 3/1991 adalah dikekalkan.

Sekian, bagi makluman/panduan tuan jua.

*" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "*

Saya yang menurut perintah,



( *DATO' ARIA NEGARA* )  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Terengganu.

s.k.

1. Yang Berhormat,  
Setiausaha Kerajaan,  
Terengganu.
  
2. Timbalan-Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,  
Terengganu.
  
3. Penolong-Penolong Pengarah Tanah dan Galian,  
Terengganu.

HMS/rar.  
s(ptd).disk 9b.